

Pengurusan 5S KML lawat UMS-KAL

UG 21-04-2012 B6

LABUAN: Pengurusan Kanan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) yang diketuai Iskandar Zulfadzli Abdullah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Khamis lalu.

Rombongan seramai 30 orang itu yang terdiri daripada penyarah dan kakitangan pentadbiran KML telah mengadakan lawatan penanda aras Amalan Persekitaran Berkualiti 5S di universiti itu.

Taklimat mengenai pentadbiran UMS-KAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Mattersah manakala Timbalan Pengerusi 5S, Baharin Entoh menyampaikan taklimat mengenai Amalan Persekitaran Berkualiti 5S UMS-KAL.

Turut hadir Penyelaras PPIB, Soon Chiow Tha, i Ketua Audit 5S UMS-KAL, Didiroy Dickson Joney dan ketua pelaksana 5S.

Lima pejabat bahagian dilawati rombongan KML

iaitu Pejabat Pengarah di Tingkat 13, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA), Bahagian Sukan dan Rekreasi, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI).

UMS-KAL telah menerima Sijil Sistem Pengurusan Amalan Persekitaran Berkualiti daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 26 Oktober 2011.



MUSNIN (tujuh, kiri), Baharin (enam, kiri) dan Iskandar (tujuh, kanan) bersama rombongan KML yang mengunjungi Amalan Persekitaran Berkualiti 5S UMS-KAL, Khamis lalu.